From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENYELIDIK HERICS SBM JALIN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA CELESTICA BAGI PENYELIDIKAN DAN KHIDMAT MASYARAKAT
Date: Sunday, 13 September, 2026 9:11:28 AM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

13 SEPTEMBER 2026 / 1 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Berita: Herics Research Group

PENYELIDIK HERICS SBM JALIN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA CELESTICA BAGI PENYELIDIKAN DAN KHIDMAT MASYARAKAT



UUM ONLINE: Kulim, 10 September 2026 – Kumpulan penyelidik *Human Factors and Ergonomics Research Group* (HERICS) dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) telah mengadakan satu pertemuan strategik bersama pihak pengurusan syarikat Celestica bagi membincangkan peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan serta program khidmat masyarakat.
Pertemuan tersebut mempertemukan delegasi HERICS SBM yang dianggotai oleh penyelidik utama, Ts. Dr. Khairul Hafezad dan Dr. Luqman Mahmud, bersama Encik Mohd Anas, Pengurus Fasiliti dan Keselamatan Kesihatan Persekitaran (*Environment, Health and Safety - EHS*) syarikat Celestica.



Fokus utama perbincangan adalah untuk meneroka potensi kerjasama akademik dan industri, khususnya dalam memperkasakan aspek keselamatan, kesihatan pekerjaan, dan faktor ergonomik di tempat kerja. Selain itu, kedua-dua pihak turut berbincang mengenai penganjuran program khidmat masyarakat

berimpak tinggi yang mampu memberikan manfaat berterusan kepada komuniti setempat dan warga kerja industri.
Kerjasama ini dijangka menjadi medan pertukaran kepakaran antara pihak akademik dan industri, sekali gus membolehkan dapatan penyelidikan berasaskan sains ergonomik diaplikasikan secara terus dalam meningkatkan produktiviti serta kesejahteraan pekerja di Celestica.

Inisiatif proaktif HERICS SBM ini membuktikan komitmen berterusan universiti dalam menjalin hubungan erat dengan sektor industri demi memacu penyelidikan yang relevan dan memberikan impak positif kepada masyarakat secara keseluruhannya.

ZMS/JKK/2026



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.